

28 NOV 1996

PM: PENGINDUSTRIAN BOLEH TINGKATKAN KEKAYAAN DAN KECANGGIHAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia berusaha untuk menjadi sebuah negara industri kerana kerajaan percaya hanya melalui pengindustrian ia dapat memastikan rakyat negara ini dapat menambah kekayaan mereka dan menjadi lebih canggih.

"Kita juga percaya ia akan menolong mengurangkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara pelbagai kaum yang menjadi rakyat negara ini," katanya di majlis pelancaran Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Menurut beliau Malaysia berusaha untuk menjadi sebuah negara industri bukan kerana kerajaan ingin mengubah landskap negara ini daripada sawah, ladang getah dan kelapa sawit kepada suatu rupa bumi baru yang mencerminkan sebuah negara industri yang maju sepertimana yang dihasratkan oleh Malaysia.

"PIP2 mengandungi dimensi politik sepertimana semua rancangan pembangunan lain di negara ini," kata perdana menteri pada majlis pelancaran itu yang dihadiri oleh para menteri kabinet, pegawai kerajaan serta pemimpin industri dan orang-orang kenamaan asing.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah yang mana kementerian dibawah pimpinan beliau merupakan kementerian utama yang diamanahkan tanggungjawab menyediakan rancangan 10 tahun itu yang merangkumi tempoh 1995-2005.

Dr. Mahathir juga berkata sungguhpun kerajaan dapati ia telah berjaya mengurangkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang hingga ke satu tahap yang membanggakan kerana "politik kita stabil tetapi apa yang membimbangkan ialah kita tidak mempunyai kelas menengah Bumiputera yang cukup besar bagi mencerminkan nisbah penduduk yang mereka wakili."

Oleh itu kerajaan ingin melihat perlaksanaan PIP2 menghasilkan lebih ramai golongan menengah Bumiputera. " Saya tidak akan menerangkan secara terperinci bagaimana perkara ini dapat dilakukan tetapi kita tahu ia boleh dilakukan," tegas beliau.

"Kami memerlukan sokongan dan penglibatan anda dalam perkara ini ... ia berfaedah bagi setiap orang terutama masyarakat peniaga kerana sekiranya anda lihat di sekeliling, anda akan menghargai nilai-nilai yang terdapat pada kerajaan yang komited dan kuat yang tidak memeranjatkan anda," kata perdana menteri.

Kata beliau: "Penghargaan yang anda berikan terhadap agenda politik kami akan menyumbang ke arah kestabilan yang akhirnya akan menguntungkan anda sendiri."

Beracapak mengenai Pelan Induk Perindustrian sebelum ini, perdana menteri berkata strateginya yang memberi tumpuan kepada kegiatan perkilangan yang berorientasikan eksport dan berintensifkan buruh cukup berjaya hinggakan Malaysia kini terpaksa bergantung kepada tenaga buruh asing kerana kekurangan tenaga buruh tempatan.

"Kita perlu membuat penyesuaian dengan pantas...tetapi kita biarkan diri kita dipengaruhi oleh keperluan pelabur yang ingin mengendalikan industri secara berintensifkan buruh," terang beliau.

Dalam keadaan serius sekarang dengan jumlah pekerja asing di negara ini berjumlah lebih 1.7 juta termasuk yang bekerja secara sah dan tidak sah, Dr Mahathir berkata industri di negara ini perlu berubah kepada yang berintensifkan modal atau teknologi yang hanya memerlukan pekerja mahir dan

bukannya pekerja tidak mahir yang banyak terdapat sekarang.

"Sekiranya tiada, kita perlu melatih mereka... kita bernasib baik kerana pekerja kita mampu menguasai kemahiran dengan cepat sekiranya diberi latihan yang tepat," kata beliau.

Dengan menggunakan teknologi tinggi, automasi dan robotik, jumlah pekerja dapat dikurangkan manakala upah dapat dinaikkan sambil mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing.

Berkaitan pekerja asing, usahawan Malaysia perlu melabur di negara-negara asal mereka bagi mewujudkan peluang pekerjaan di tempat mereka sendiri..."mereka dan negara mereka akan mendapat lebih banyak faedah sekiranya mereka bekerja di tempat sendiri," kata perdana menteri.

Merujuk kepada PIP2, Dr. Mahathir berkata ia memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi secara berterusan, memperkukuhkan eksport dan meningkatkan nilai barangan yang dihasilkan dan dieksport iatu suatu langkah yang akan meningkatkan lagi daya saingan negara di peringkat sejagat.

Menurut Dr. Mahathir Malaysia mengambil keputusan untuk menerokai bidang kejuruteraan terutama industri kejuruteraan automotif, telekomunikasi dan teknologi maklumat serta memberi penekanan kepada industri kecil dan sederhana.

Matlamat akhir kita ialah bukan sekadar membekalkan komponen yang diperlukan oleh industri-industri utama tetapi juga untuk menghasilkan komponen yang berkualiti tinggi dan malah, barangan siap untuk pasaran eksport.

Sebahagian daripada strategi di bawah PIP2 ialah penubuhan sebuah bandar automotif besar baru yang berkemampuan menghasilkan sejuta unit kereta serta kelompok industri sokongan yang menghasilkan komponen dan alat ganti yang menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat kereta utama serta industri lain di samping untuk dieskport.

Mengenai industri telekomunikasi, beliau berkata teras utamanya ialah Koridor Raya Multimedia yang akan menjadi pusat industri IT bagi memberi dorongan kuat kepada usaha-usaha pengeluaran kelengkapan telekomunikasi, elektronik dan barangan kegunaan rumah tangga yang berjenama Malaysia.

Lapan bidang khusus sudah dikenalpasti termasuk teleperubatan, sekolah bistari, kelompok penyelidikan dan pembangunan, penggunaan kad pelbagai guna serta kerajaan elektronik bagi meningkatkan lagi pembangunan industri berasaskan maklumat yang terkini.

Sungguhpun semua itu akan menjadi pemangkin dalam membangunkan industri yang berasaskan IT, Dr Mahathir mengingatkan sektor industri supaya menerima pakai proses yang berasaskan maklumat dan ilmu dalam bidang perkilangan serta kegiatan lain yang berkaitan terutama penggunaan IT dalam perdagangan elektronik.

Menurut beliau, kerajaan memberi jaminan akan terus menyediakan prasarana dan kemudahan yang berkualiti serta mencukupi bagi memudahkan usaha-usaha pembangunan. Ini termasuk pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan, pembangunan teknologi tempatan, peningkatan insentif dan mekanisme pentadbiran serta perkhidmatan sokongan yang berkualiti seperti pelabuhan, perkhidmatan perniagaan, pengangkutan dan pembungkusan.

Dr. Mahathir juga berkata konsep Persyarikatan Malaysia akan terus diberi penekanan sebagai strategi penting dalam kerjasama sektor awam-swasta untuk mempergiatkan lagi proses pembangunan negara.

Bagi sektor swasta, ia tidak sepatutnya hanya bermotifkan keuntungan tetapi perlulah mengamalkan etika perniagaan yang bersih untuk menjadi warga korporat yang baik serta menunaikan tanggungjawab sosial.

Selain sektor industri, beliau berkata sektor perkhidmatan yang masih banyak bergantung kepada pihak asing perlu mempunyai kecekapan kerana

kamajuannya sangat penting bagi ekonomi negara.

Perdana menteri juga menjelaskan tentang perlunya sektor domestik menjana lebih banyak pelaburan berbanding rakan mereka dari luar negara tetapi, tegas beliau, pelabur asing masih diperlukan terutama dalam sektor teknologi tinggi terkini.

"Kami akan terus menyokong pelaburan asing langsung tetapi pada waktu yang sama akan turut membantu pelabur tempatan," katanya sambil menambah bahawa akhirnya, dengan semua pihak berganding bahu, adalah diharapkan Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

SHY DIN MA